

ACH 5689  
P

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYA

**KETIDAKTERUSAN PERINTAH DAN LARANGAN DALAM  
AL-QUR'ĀN; KAJIAN TERHADAP AYAT-AYAT HUKUM  
SŪRAT AL-BAQARAT**

**RUJUKAN SAHAJA**

Ab. Rahim Bin Ibrahim

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYA

Disertasi ini dikemukakan kepada Fakulti Bahasa dan Linguistik,  
Universiti Malaya  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk mendapatkan  
Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden  
1999

Perpustakaan Universiti Malaya



A505619414

## DEDIKASI

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYA

*Untuk ibuku yang telah memberikan sesuatu yang paling berharga dalam hidupku ; dan untuk bapaku kerana pengorbanannya mengajarku erti keyakinan.*

*Ab. Rahim Ibrahim*

## ABSTRAK

*Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk mengenal pasti ketidakterusan perintah dan larangan al-Qur'an menerusi Surat al-Baqarat. Berdasarkan perintah dan larangan tersebut, data-data utama yang diberikan penumpuan untuk tujuan analisis adalah ayat-ayat hukum yang menjadi sumber perundangan dalam Islam dari segi keadaan dan gaya bahasa ayat-ayat tersebut.*

*Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan dan objektif untuk memberikan gambaran mengenai kewujudan perintah dan larangan secara terus dan tidak terus di dalam Surat al-Baqarat. Metodologi yang digunakan untuk kajian ini adalah dengan membuat kajian perpustakaan, mengumpul data daripada bahan-bahan yang diperolehi serta menganalisis data-data tersebut berdasarkan teori yang telah dinyatakan oleh sarjana-sarjana Islam mengenai perintah dan larangan ayat-ayat hukum al-Qur'an.*

*Hasil yang diperolehi daripada kajian telah menunjukkan perbezaan yang jelas di antara perintah dan larangan secara terus dengan tidak terus. Perintah dan larangan secara terus dapat difahami berdasarkan kewujudan tuntutan atau tujuan tuntutan tersebut dinyatakan dengan gaya bahasa yang menggunakan kata kerja perintah atau larangan. Ketidakterusan pula merujuk kepada perkhabaran mengenai sesuatu ketentuan, gambaran pujian atau kutukan, gambaran ganjaran baik atau buruk dan gambaran mengenai amalan yang disukai atau dibenci dengan gaya bahasa yang menggunakan kata kerja atau kata nama.*